

01 JUL 2003

Abdullah-Pilihan raya

KRISIS PBDS TIDAK JEJAS BN DALAM PILIHAN RAYA, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Krisis kepimpinan yang melanda Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) berikutan pengunduran presidennya Datuk Amar Leo Moggie, tidak akan menjejaskan persediaan Barisan Nasional untuk menghadapi pilihan raya akan datang, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya percaya mereka akan selesaikan masalah yang dihadapi sekarang," kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan persidangan kepimpinan berpasukan Standard Chartered Group di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada peletakan jawatan Moggie kena pada masanya jika dibandingkan dengan tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berundur pada Oktober ini yang akan meninggalkan BN dalam keadaan aman dan stabil.

"Itu pendekatan masing-masing. Parti kita ini parti yang besar," katanya.

Abdullah, yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata setakat ini, pendekatan yang diambil oleh Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN nampaknya tidak menjejaskan parti dan berharap suasana yang baik dan stabil ini dapat diteruskan walaupun selepas Perdana Menteri bersara nanti.

"(Bagaimanapun), kita tengoklah bagaimana pendekatan Moggie dalam hal ini kerana beliau sendiri pernah berkata adalah lebih baik masalah yang timbul itu diselesaikan oleh penggantinya nanti," kata Abdullah.

Moggie, yang juga Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia melepaskan teraju PBDS yang dipegangnya selama 20 tahun minggu lepas dan jawatan itu kini disandang timbalannya Datuk Seri Daniel Tajem.

Parti komponen BN itu bakal mengadakan persidangan perwakilan tiga tahun sekaligus bulan depan yang dijangka menyaksikan persaingan sengit untuk merebut jawatan antara kumpulan yang diketuai Tajem dan yang dipimpin bekas ketua penerangannya Datuk Seri Dr James Masing.

Dalam ucapannya pula, Abdullah berkata Malaysia sentiasa percaya bahawa peperangan bukan merupakan satu penyelesaian muktamad kepada masalah keganasan.

"Puncanya, sebab-sebab kenapa ada orang memilih keganasan, harus ditentukan dahulu. Pengalaman kita menangani keganasan komunis dari 1948 ke 1960 bergema dengan isu-isu keselamatan yang mencengkam dunia hari ini," katanya.

Katanya negara ini berjaya menghapuskan ancaman komunis dengan mengenal pasti punca kepada rasa tidak puas hati, dan dengan berusaha untuk memenangi hati rakyat.

"Anak penganas yang terbunuh dalam perjuangan bersenjata, akan berendam (sebaliknya) anak penganas yang dapat melihat tentang cara hidup yang lebih baik, akan mengutuk keganasan," kata Abdullah.

Beliau juga berkata terdapat pihak tertentu yang cuba menggunakan ketegangan yang wujud untuk menyokong pendirian mereka tentang kemungkinan berlaku pertembungan tamadun antara Islam dan Barat.

"Ini adalah takrif malang dan berbahaya, dan negara ini tidak menyokongnya," kata Timbalan Perdana Menteri.

Malahan, kata Abdullah, ramai umat Islam di dunia dicerca kerana Islam digunakan oleh satu kumpulan kecil untuk kepentingan sempit mereka.

"Islam yang diamalkan oleh majoriti penganutnya adalah satu agama bagi keamanan. Islam bagi golongan majoriti ini adalah agama tolak ansur dan terbuka," katanya.

Abdullah berkata Malaysia berada di kedudukan unik untuk bercakap mengenai senario sekarang kerana majoriti penduduknya adalah Islam, yang hidup aman bersama-sama dengan penganut Kristian, Buddhist, Hindu dan agama lain.

Sebagai sebuah negara Islam, Malaysia sentiasa mengamalkan Islam secara sederhana dan progresif, katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata negara ini sentiasa memastikan asas pentadbirannya selari dengan kehendak Islam, yang bermakna kepentingan rakyat sentiasa dijaga.

-- BERNAMA
FAY MFJ MAI